



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/05/29 (HQ)

IKLAN RAYA TNB TERAP TRADISI KUNJUNG MENGUNJUNGI

Bersempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang, Tenaga Nasional Berhad (TNB) sekali lagi menampilkan sebuah iklan raya dengan mengetengahkan tradisi kunjung mengunjungi pada musim perayaan bagi mempereratkan semangat kekeluargaan dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat Malaysia.

“Iklan raya TNB kali ini kaya dengan unsur-unsur kekeluargaan seperti tolong ansur, hormat menghormati, kesefahaman dan keikhlasan dalam memperkukuhkan hubungan silaturrahim seterusnya menjadikannya lebih erat dan bermakna,” kata Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman pada majlis pratonton eksklusif untuk media hari ini.

Iklan ini adalah sebahagian daripada tradisi TNB menyampaikan mesej-mesej bermakna untuk menyambut pelbagai perayaan agama dan budaya sepanjang tahun.

Seperti iklan-iklan perayaan TNB sebelum ini, antara mesej yang disampaikan melalui plot iklan kali ini bukan sahaja khusus untuk umat Islam yang menyambut Hari Raya, malah untuk seluruh rakyat Malaysia.

Bertajuk “Konvoi Epik Fantastik”, iklan ini menggambarkan pengalaman dan tradisi sambutan hari raya Nabila, si gadis bandar yang mengikuti konvoi raya ke semua sepuluh rumah adik beradik Tok Wannya. Sepanjang perjalanan itu, dipaparkan pelbagai babak-babak yang menyentuh perasaan dan mencuit hati, semestinya bagi memastikan tradisi kunjung mengunjungi diterapkan sebagai budaya dalam jiwa masyarakat kini.

“Kita ingin berkongsi keseronokan dan kemeriahan sambutan hari raya dengan tradisi kunjung mengunjungi ini supaya ia terus kekal sebagai satu budaya dalam memupuk semangat persaudaraan dan kekeluargaan yang kuat, seterusnya perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia,” tambah Datuk Wira Roslan.

Dijadualkan ke udara di rangkaian TV bermula 1 Jun 2019, bagaimanapun webfilm penuh "Konvoi Epik Fantastik" ini sudah boleh ditonton di [youtube.com/TENAGAofficial](https://www.youtube.com/TENAGAofficial) #KonvoiEpik Fantastik mulai hari ini.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 Mei 2019, jam 10.00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau
e-mel ke media@tnb.com.my*